



# SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

## KENYATAAN MEDIA

### SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

### DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

13 Jamadilawal 1443 / 18 Disember 2021

1. Pada hari ini, Sabtu 13 Jamadilawal 1443 bersamaan dengan 18 Disember 2021, sebanyak **1 kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan yang membawa **jumlah keseluruhan kes COVID-19 kepada 15,386 orang**.
  - Jumlah kes baru ini adalah hasil daripada **1,166 jumlah ujian makmal** yang dilakukan dalam tempoh 24 jam yang lalu. Oleh itu, kadar kes positif pada hari ini ialah sebanyak **0.1%**.
2. Di kalangan kes-kes yang sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan, **tidak ada kes dalam Kategori 4** (memerlukan bantuan oksigen dan di bawah rawatan rapi) dan **satu kes adalah dalam Kategori 5** (memerlukan bantuan mesin pernafasan dan dirawat di Unit Rawatan Intensif).

3. **9 kes telah disahkan sembuh** pada hari ini yang membawa jumlah kes yang sembuh di Negara Brunei Darussalam kepada **15,083 kes** manakala jumlah kes aktif ialah sebanyak **203 kes**. Sementara itu, kadar pengisian di pusat-pusat pengasingan di seluruh negara atau *bed occupancy rate* ialah sebanyak **4.7%**.
4. Sehingga kelmarin, 17 Disember 2021, pencapaian Program Vaksinasi Kebangsaan adalah seperti berikut:
  - Kadar keseluruhan penduduk yang telah menerima sekurang-kurang satu dos vaksin ialah **94.3%**;
  - Kadar bagi yang telah menerima dua dos vaksin ialah **91.6%**; manakala
  - Kadar bagi yang telah menerima tiga dos ialah **5.9%**.
5. Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan memaklumkan bahawa perkhidmatan Klinik Vaksinasi COVID-19 Bergerak bagi perkhidmatan rumah-ke-rumah akan dijalankan minggu depan bagi penduduk-penduduk yang tidak dapat menerima vaksinasi di klinik disebabkan masalah kesihatan atau kesukaran bergerak. Perkhidmatan rumah-ke-rumah ini akan dijalankan di beberapa Mukim iaitu **Mukim Lumapas, Mukim Gadong 'B', Mukim Kota Batu, Mukim Kuala Belait, Mukim Tanjong Maya,**

**Mukim Seria, dan Mukim Berakas 'A' dari jam 9:00 pagi hingga 2:30 petang** pada pada tarikh-tarikh berikut:

- 20 Disember 2021 – Mukim Lumapas dan Mukim Gadong 'B'.
- 21 Disember 2021 – Mukim Gadong 'B', Mukim Kota Batu dan Mukim Kuala Belait.
- 22 Disember 2021 – Mukim Tanjong Maya dan Mukim Seria.
- 23 Dismeber 2021 – Mukim Kota Batu dan Mukim Berakas 'A'.

Penduduk yang sesuai bagi perkhidmatan rumah ke rumah ini akan dihubungi terlebih awal oleh pihak Kementerian Kesihatan bagi saringan awal, dan mereka yang dihubungi perlu mengongsikan kad pengenalan atau pasport, serta kad (atau nombor) Bru-HIMS, jika ada.

Manakala, perkhidmatan Klinik Vaksinasi COVID-19 Bergerak bagi perkhidmatan statik akan dijalankan di **Kampung Bukit Beruang, Mukim Telisai pada hari Rabu, 22 Disember 2021 dari jam 9:00 pagi hingga 2:30 petang bertempat di Dewan Sekolah Menengah Sayyidina 'Othman**. Penduduk Kampung Bukit Beruang, Mukim Telisai dan persekitaran adalah dialu-alukan untuk

hadir bagi mendapatkan suntikan vaksin COVID-19 dos kedua dan dos ketiga dan Klinik Vaksinasi ini juga dibukakan secara walk-in bagi penduduk yang berumur 18 tahun ke atas dan belum lagi menerima vaksinasi COVID-19. Dokumen yang diperlukan bagi individu yang ingin mendapatkan vaksinasi tersebut adalah; Kad pengenalan atau passport; Kad (atau nombor) Bru-HIMS, jika ada; dan Kad Vaksinasi COVID-19 iaitu hanya bagi mereka yang menerima suntikan dos kedua dan dos ketiga.

6. Bagi sekatan pergerakan yang dijalankan dari jam 10 malam semalam hingga 4 pagi tadi, **sebanyak 6 pelanggaran arahan** telah dikeluarkan denda kompaun di seluruh negara di mana **kesemuanya** adalah pelanggaran arahan untuk berada di rumah.
7. Marilah kita sama-sama berdoa semoga pesakit COVID-19 yang masih berada dalam Unit Rawatan Intensif akan diberikan kesembuhan secepatnya dan semoga semua rakyat dan penduduk di Negara Brunei darussalam sentiasa sihat walafiat, dipelihara dan dilindungi dari segala marabahaya. Aamiin Ya Rabbal 'Alamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 13 Jamadilawal 1443H / 18 Disember 2021